

TUAN GURU HAJI OTHMAN QARIB: TOKOH ULAMA PERAK DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PENGAJIAN TALAQQI DAN DAKWAH

Syed Salim bin Syed Shamsuddinⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. syedsalim@usim.edu.my

Abstrak

Pengajian talaqqi merupakan satu kaedah yang sangat penting dalam dunia pendidikan dan dakwah Islam. Di Malaysia, ramai tokoh ulama dan ilmuan yang telah menyumbang jasa dalam bidang pengajian talaqqi kitab turath dan dakwah yang perlu diketengahkan untuk diketahui oleh masyarakat umum khasnya generasi muda. Artikel ini mengetengahkan seorang tokoh ulama Perak, Tuan Guru Haji Othman Qarib, yang telah memberi pelbagai sumbangan kepada masyarakat tempatan. Penulisan ini akan meninjau latar belakang kehidupan beliau terutama dari segi pendidikan dan ilmu pengetahuan. Selain itu, penulisan ini juga akan melihat sejauh mana sumbangan beliau terhadap perkembangan pengajian talaqqi dan dakwah di negeri Perak serta sumbangan-sumbangan lain yang berkaitan. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual bersama waris-waris dan keluarga terdekat tokoh di samping analisis beberapa dokumen yang berkaitan selain pengalaman dan ingatan penulis sendiri. Dapatan penulisan ini menunjukkan Tuan Guru Haji Othman Qarib merupakan seorang tokoh yang telah banyak menyumbangkan jasa terhadap perkembangan pendidikan Islam khususnya pengajian talaqqi dan dakwah di negeri Perak melalui penubuhan madrasah, pengajian kitab, pengeluaran fatwa dan lain-lain. Penulis mendapati belum ada penulisan formal yang khusus dan terperinci telah dihasilkan berkenaan tokoh ini. Sehubungan itu, diharap artikel ini dapat menjadi pencetus kepada penulisan-penulisan seterusnya berkenaan dengan tokoh ini dari sudut-sudut yang lain.

Kata kunci: Kitab turath, negeri Perak, Othman Qarib, pengajian talaqqi, tokoh.

PENDAHULUAN

Pengajian talaqqi merupakan satu sistem pendidikan asas dalam menyampaikan ilmu dan dakwah Islam. Sistem pengajian ini telah banyak menyumbang dalam perkembangan pelbagai disiplin ilmu serta berjaya melahirkan tokoh-tokoh ilmuan yang berwibawa serta dapat menguasai pelbagai cabang ilmu masing-masing. Pengajaran dan pembelajaran dengan sistem talaqqi merupakan tradisi yang diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. Ini jelas bila mana Baginda s.a.w. menerima wahyu dan mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibril a.s. secara bertalaqqi. Malah, talaqqi merupakan manhaj dakwah terpenting Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan Islam. Manhaj ini kemudiannya diwarisi pula oleh para sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in dan generasi-generasi seterusnya dalam meriwayatkan ajaran dan panduan Baginda s.a.w. untuk memahami al-Quran dan Sunnah.

Sistem pengajian ini memerlukan pertemuan guru dengan murid secara bersemuka yang dinamakan sebagai "talaqqi". Sesi pengajaran dan pembelajaran adalah secara berkitab dan sesuatu tajuk yang dipelajari dihuraikan secara terperinci dan mendalam. Para pelajar dipandu oleh guru bagaimana untuk memahami perbincangan kitab tersebut. Guru yang mengajar pula adalah seorang yang mempunyai sanad yang bersambung-sambung dari guru-guru sebelumnya, zaman berzaman sampai kepada pengarang asal atau pengasas mazhab. Jika dalam kitab matan hadis ia akan bersambung sehingga kepada sumber awal, iaitu Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri. Sistem talaqqi ini terus dipelihara dan dijadikan manhaj atau metod tradisi ilmu Islam dalam memelihara keaslian warisan ilmiah Islam atau dikenali sebagai ilmu turath.

Tradisi keilmuan turath sangat mementingkan sanad dalam ilmu selain daripada kefahaman terhadap isi kandungan kitab. Hal ini bagi memastikan kitab-kitab yang diajarkan jelas sandarannya kepada penulis asal. Justeru, manhaj ini dapat mengelakkan dari berlakunya pendustaan dalam periwayatan dan penyampaian isi kandungan kitab serta memastikan ketulenan ilmu yang disampaikan tidak lari dari maksud pengarang (*murad al-musannif*). Sistem ini merupakan disiplin pengajian Islam tulen yang telah berjaya melahirkan para ulama Islam berkepakaran, berwibawa, beradab dan mempunyai sahsiah tinggi lagi terpuji.

Dalam konteks Malaysia, pengajian berbentuk talaqqi ini telah lama wujud dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bagi ilmu-ilmu Islam yang bermula semenjak kedatangan Islam ke Alam Melayu pada peringkat awal yang dikatakan berlaku selewat-lewatnya pada kurun ke-12 Masihi lagi (Abdullah Ishak, 1990). Melaka sebagai sebuah kerajaan Melayu-Islam yang teragung di Nusantara di sekitar kurun ke-15 Masihi terkenal sebagai sebuah kerajaan yang begitu aktif dalam bidang pengajian ilmu dan dakwah Islam telah menunjukkan bagaimana sistem pengajian berbentuk talaqqi telah dibawa dan diamalkan oleh para pedagang yang juga merupakan tokoh alim ulama dan pendakwah yang datang dari luar negeri terutama dari Tanah Arab dan India. Struktur pengajiannya adalah berteraskan institusi istana, rumah, masjid serta madrasah. Selepas kejatuhan kerajaan Aceh dan Melaka, dikatakan ulama-ulama Patani telah memainkan peranan penting bagi kelanjutan tradisi pengajian berbentuk talaqqi menerusi institusi pengajian pondok. Institusi pengajian pondok telah dibangunkan dan dijalankan secara lebih sistematik sebagai kesinambungan dari struktur pengajian talaqqi di masjid dan madrasah. Pengajian talaqqi di pondok-pondok telah berkembang pesat hingga kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 Masihi dan kebanyakannya tertumpu di negeri-negeri di pantai timur dan utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak (Syed Salim, 2018).

Di negeri Perak Darul Ridzuan, terdapat ramai ulama dan ilmuan yang telah banyak menyumbang jasa kepada kepesatan pengajian talaqqi dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat. Bermula dari seawal penubuhan kerajaan Perak, Sultan Perak yang pertama Sultan Muzaffar Shah I yang memerintah pada 1528 – 1549 Masihi, telah melantik seorang ulama dan ilmuan dari Hadhramaut Yaman bernama Syed Husain al-Faradz Jamalullail sebagai Orang Kaya Menteri dan Penasihat Agama serta guru kepada Baginda. Syed Husain al-Faradz wafat pada lingkungan tahun 1580 Masihi di zaman permerintahan Sultan Perak Ketiga, Sultan Ahamd Tajuddin Shah (1577 – 1584). Menurut laporan Dato' Setia Bijaya Jeragan Abdul Shukor kepada kerajaan negeri Perak, Syed Husain al-Faradz telah dimakamkan dalam kawasan makam diraja keluarga Sultan Muzaffar Shah I di Tanah Abang, Teluk Bakong, Bota, Perak. Beliau telah diberi penghormatan tersebut kerana beliau merupakan guru Baginda dan hubungan rapat beliau semasa hayatnya dengan keluarga Baginda (Syed Jaafar Aznan, 2021; Stia Bijaya Di Raja, 1907).

Di sekitar Daerah Perak Tengah seperti Parit dan Bota terdapat ramai ulama yang sangat berjasa dalam mendidik masyarakat tempatan dengan keilmuan Islam melalui pengajian secara talaqqi dan pondok. Antara yang terkenal ialah Tuan Guru Syed Jalaluddin bin Syed Abdul Majid yang dikenali sebagai Tok Tambak Pulau Pisang. Tok Tambak yang berketurunan Syed Husain al-Faradz merupakan penasihat agama utama Sultan Iskandar Zulkarnain, Sultan Perak Ke-15 pada tahun 1756 – 1770 Masihi (Freddie Aziz, 2021). Selain beliau, tokoh-tokoh lain ialah seperti Tuan Guru Syed Shamsuddin bin Syed Alwi yang dikenali sebagai Habib Shamsuddin (1890an – 1965), Tuan Guru Haji Hashim (lahir 1904), Tuan Guru Haji Kamaruddin (1913 – 2009), Tuan Guru Haji Husin bin Abdul Wahid (1906 – 1983) dan ramai lagi (Tengku Yusuff, 2020).

Oleh itu, artikel ini akan melihat seorang tokoh yang berasal dari Kampung Teluk Manis, Parit, Perak yang telah banyak menyumbangkan jasa dalam pendidikan talaqqi dan dakwah kepada masyarakat Perak iaitu Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib. Setakat pencarian penulis, hingga kini belum ada penulisan formal secara khusus dan terperinci yang menceritakan tentang latar belakang dan sumbangan beliau. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual bersama waris-waris dan keluarga terdekat Almarhum di samping analisis beberapa dokumen yang berkaitan serta pengalaman dan ingatan penulis sendiri sebagai anak saudara kepada Almarhum dan murid Madrasah Nadwah al-Tullab dari tahun 1983 – 1988.

LATAR BELAKANG DAN SIFAT PERIBADI

Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib dilahirkan di Kampung Teluk Manis, Layang-layang Kiri, Parit, Perak pada tahun 1922. Nama penuh beliau ialah Othman bin Itam Karib. Walau bagaimanapun, beliau lebih dikenali dalam kalangan

masyarakat setempat dan anak-anak murid beliau dengan panggilan Ustaz Othman Qarib atau Ustaz Man. Beliau ialah anak tunggal kepada pasangan Itam Karib bin Bilal Penoh dan Alang Saripah binti Mohd Said. Beliau mempunyai tiga orang adik sebapa daripada isteri kedua ayahnya yang bernama Habsah binti Meor Alang Ishak iaitu Mohd Azhar, Radziah dan Raayah (Zahirah & Daud, 2021). Jika dilihat dari sebelah bapa, beliau merupakan generasi keenam dari keturunan Raden Keronno yang berasal dari Pulau Jawa, iaitu Othman bin Itam Karib bin Bilal Penoh bin Raden Jumat bin Raden Salim bin Raden Keronno (Houd Sirat et. al., 2018).

Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan anakanda kepada gurunya, Hajah Khodijah binti Haji Shuib pada tahun 1948 ketika berusia 26 tahun. Hasil perkahwinan ini mereka dikurniakan enam orang anak, lima perempuan dan seorang lelaki iaitu Hajah Raisah, Hajah Farihah, Hajah Nadzirah (meninggal dunia pada tahun 2017), Hajah Zahirah, Zakiyah dan Muhammad Jamil Azhari (Zahirah & Daud, 2021).

Berkenaan dengan peribadi Tuan Guru Haji Othman Qarib, beliau seorang yang cukup sederhana, baik dari segi pemakaian hinggalah dari segi kehidupan. Beliau gemar memakai baju Melayu, berkain pelikat dan berserban sama ada ketika mengajar atau lainnya. Beliau merupakan seorang yang zuhud, tawaduk dan *khumul* (tidak ingin dikenali dan tidak menyukai kemasyhuran), namun begitu nama beliau tetap tersohor di merata tempat khususnya di negeri Perak. Menurut sepupu dan murid beliau, Tuan Syed Shamsuddin bin Syed Ibrahim (2009), Tuan Guru Haji Othman Qarib akan berbasikal jika hendak ke mana-mana, tetapi jika tempat yang hendak dituju itu jauh, beliau akan meminta Tuan Syed Shamsuddin sendiri atau saudara-saudara rapat lain untuk membawa beliau menaiki motor ataupun kereta. Di rumah beliau tidak ada radio mahupun televisyen.

Menurut sepupunya dan muridnya Hajah Hindun binti Haji Husin (2009), Tuan Guru Haji Othman Qarib seorang yang lemah-lembut, peramah, mudah mesra dan sentiasa tersenyum dengan sesiapa sahaja yang menziarahinya atau di mana sahaja terutama dengan kanak-kanak yang mengaji dengan beliau. Walaupun begitu, kadangkala beliau akan bersikap serius dan tegas terutama dalam perkara yang melibatkan hukum-hakam dan pengajian ilmu. Beliau sangat kuat beribadat dan banyak menghabiskan masa dengan mengajar, merujuk kitab dan membantu masyarakat. Beliau juga seorang yang tinggi adabnya, sangat mengasihi ibu bapa, para ulama dan guru-gurunya serta sangat kuat berkhidmat dengan mereka, seperti dengan guru beliau Tuan Guru Haji Husin bin Abdul Wahid. Beliau sangat mementingkan hubungan silaturrahim khususnya dalam kalangan sanak saudara di mana jua mereka berada. Antara kebiasaan beliau, setiap malam atau subuh Jumaat beliau akan menziarahi pusara ayahanda dan bonda beliau di Tanah Perkuburan Islam di Kampung Paloh, Layang-layang Kiri.

Tuan Guru Haji Othman mempunyai kelebihan atau karamah yang dapat dilihat oleh orang-orang kampung. Antaranya doa, sembahyang hajat dan air tawarnya sangat makbul dan mustajab. Justeru itu, beliau menjadi tempat tumpuan masyarakat atas apa-apa hajat berkaitan dunia dan akhirat. Diceritakan oleh Hajah Hindun (2009), Tuan Guru Haji Othman mendapat alamat dari mimpi tentang perkara buruk yang bakal berlaku di kampung dan kawasan sekitar. Oleh itu, beliau selalu membuat majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Lama Kampung Teluk Manis yang terletak di tepi Sungai Perak (masih ada lagi hingga kini) dengan tujuan dan hajat memohon kepada Allah s.w.t. agar dihindarkan dari segala bala dan musibah.

Pada tahun 1988, Tuan Guru Haji Othman dikurniakan rezeki untuk menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah bersama isterinya Hajah Khodijah. Sebelum berangkat ke Mekah beliau telah jatuh sakit dan agak lama tidak lalu bangun. Ramai orang dari jauh mahupun dekat datang menziarahinya. Tetapi apabila hampir hari untuk berangkat ke Mekah, beliau kembali sihat dan akhirnya dapat berangkat ke Tanah Suci dengan sempurna. Seakan-akan beliau telah mengetahui bahawa dirinya akan wafat di Tanah Haram, beliau sengaja bertolak menaiki kapal terbang dari Lapangan Terbang Ipoh agar orang ramai terutama saudara-mara di kampung dapat menghantar dan berjumpa beliau buat kali terakhir. Penulis yang ketika itu berumur 12 tahun juga berkesempatan menghantar beliau di sana. Semasa menaiki tangga kapal terbang beliau melambai-lambai orang ramai dengan sapu tangannya sambil menangis.

Apabila sampai di Madinah beliau jatuh sakit kembali lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tanggal 9 Julai 1988 ketika berusia 66 tahun. Jenazah Tuan Guru Haji Othman Qarib dimakamkan di Perkuburan Baqi', Madinah. Menurut Hajah Hindun (2009), sememangnya hajat dan doa Almarhum ketika hayatnya agar diwafatkan di Tanah Suci Madinah bersama Rasulullah s.a.w.

PENDIDIKAN DAN PENCARIAN ILMU

Pendidikan awal Tuan Guru Haji Othman Qarib bermula di Sekolah Melayu Layang-layang Kiri, Parit, Perak sehingga Darjah Lima dan kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Melayu Parit hingga Darjah Enam. Seterusnya beliau mengaji dan bertalaqqi kitab dengan Tuan Guru Haji Abdul Rasyid di Kampung Dusun, Layang-layang Kiri sewaktu umurnya belasan tahun. Di awal zaman kanak-kanak, beliau turut berguru dengan guru-guru di Kampung Teluk Manis seperti Tuan Guru Haji Husin bin Abdul Wahid dan Tuan Guru Haji Shuib (kemudian menjadi ayah mertuanya) (Zahirah & Daud, 2021; Hindun, 2009).

Terdapat catatan bertulisan tangan yang ditulis oleh saudara dan sahabat sepengajiannya, Almarhum Tuan Guru Haji Zakaria bin Sulaiman, tentang perjalanan Tuan Guru Haji Othman Qarib bersama sahabat-sahabatnya menuntut ilmu ke Kedah

(Ahmad Zuhairi, 2021). Menurut catatan tersebut, pada awal tahun 1945 semasa kerajaan Jepun menyerah kalah kepada kerajaan Inggeris, komunis telah mendirikan kerajaannya selama 14 hari. Keadaan negara amat susah ketika itu. Beliau bersama beberapa sahabat baiknya iaitu Tuan Guru Haji Zakaria bin Sulaiman Jeliang, Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Sulaiman Jeliang dan Tuan Guru Haji Mokhtar bin Lebai Awang Padang Tenggara telah pergi meninggalkan kampung halaman untuk menuntut ilmu di Pondok Batu Hampar, Pendang, Kedah.

Perjalanan mereka bermula dengan menaiki keretapi dari Kuala Kangsar, menumpang keretapi yang membawa tentera-tentera Jepun sampai ke Bukit Mertajam. Di sana mereka bermalam selama empat hari empat malam di sebuah surau dan mereka pergi menziarahi rumah Syeikh Yamani serta Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan lebih kurang empat batu dari bandar Bukit Mertajam. Dari situ mereka menaiki lori sewa ke Kota Sarang Semut, Kedah. Dari Kota Sarang Semut itu pula mereka berjalan kaki ke Pendang terus ke Pondok Batu Hampar lebih kurang tujuh batu. Di Pondok Batu Hampar, mereka belajar selama dua tahun kepada Tuan Guru Haji Ibrahim bin Said serta anaknya Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim.

Di dalam masa dua tahun ini mereka pernah keluar dari pondok mencari nafkah kerana perbelanjaan dari kampung tidak sampai. Pada satu hari mereka bersetuju untuk pergi ke Kota Setar (Alor Setar) dengan tujuan untuk mencari kerja yang halal di bandar itu. Lalu mereka meminta izin kepada Tok Guru untuk keluar. Selepas diizinkan, jam 8.00 pagi mereka berjalan kaki menuju ke Alor Setar sejauh 20 batu. Pada malam itu mereka tidak sampai ke bandar Alor Setar lagi, tetapi hanya sampai ke Simpang Kuala Kedah lalu bermalam di sebuah masjid. Keesokan harinya mereka berjalan lagi lebih kurang empat batu menuju Masjid Zahir, Alor Setar. Di situ mereka berjumpa dengan Imam Besar Masjid Zahir yang berbangsa Arab bernama Syeikh Ibrahim al-Ibyari. Mereka pun menceritakan kepada syeikh berkenaan mengenai tujuan mereka kalau-kalau ada tempat orang fakir miskin di situ. Akhirnya mereka dicadangkan agar berurusan di Pejabat Daerah Alor Setar. Setelah selesai urusan-urusan yang berkenaan, mereka diserahkan kepada balai polis dan mereka dihantar ke satu tempat orang fakir miskin di Seberang Perak lebih kurang dua batu dari bandar Alor Setar. Mereka duduk di situ selama sebulan setengah bersama dengan pengemis. Kemudian mereka dihantar ke Jitra untuk dihantar balik ke Ipoh. Setelah seminggu di Jitra, mereka pun kembali semula ke kampung halaman.

Selepas itu, Tuan Guru Haji Othman melanjutkan pelajarannya pula ke Pondok Penanti, Bukit Mertajam dan berguru dengan Syeikh Othman Jalaluddin serta beberapa guru pembantu yang lain. Akhirnya beliau menyambung pelajaran agamanya di Pondok Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan untuk berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir (Zahirah & Daud, 2021; Hindun, 2009).

Secara keseluruhannya, di antara guru-guru Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib ialah (Zahirah & Daud, 2021; Hindun, 2009; Tengku Yusuff, 2021):

1. Tuan Guru Haji Husin bin Abdul Wahid, Kampung Teluk Manis, Layang-layang Kiri (guru al-Quran dan fardu-fardu ain).
2. Tuan Guru Haji Shuib, Kampung Teluk Manis, Layang-layang Kiri (kemudian menjadi mertuanya).
3. Tuan Guru Haji Abdul Rasyid, Kampung Dusun, Layang-layang Kiri.
4. Tuan Guru Haji Ibrahim bin Haji Said, Pondok Batu Hampar, Pendang.
5. Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim, Pondok Batu Hampar, Pendang.
6. Syeikh Othman Jalaluddin, Pondok Penanti, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
7. Tuan Guru Haji Thalib bin Puteh, Pondok Penanti, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
8. Tuan Guru Haji Abdullah Tahir, Pondok Bunut Payong, Kelantan.

JASA DAN SUMBANGAN TERHADAP BIDANG KEILMUAN TALAQQI DAN DAKWAH

Tuan Guru Haji Othman Qarib telah meninggalkan jasa yang sangat besar dalam bidang keilmuan talaqqi dan dakwah di negeri Perak, khasnya di Daerah Perak Tengah. Usaha-usaha beliau dalam menyemarakkan institusi pengajian talaqqi berkitab, pendidikan Islam dan dakwah bermula setelah beliau tamat pengajian talaqqinya di pondok-pondok.

Sekembalinya dari perantauan, Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib berkhidmat di Kampung Teluk Manis dengan membuka Kelas Pengajian Wanita di rumahnya, berdekatan dengan rumah ibu saudaranya yang bernama Teh Halijah binti Bilal Penoh, adik bongsu kepada ayahanda beliau. Manakala bagi Kelas Pengajian Lelaki pula diadakan di sebuah surau (dipanggil oleh penduduk tempatan sebagai "madrasah") yang terletak di belakang Masjid Lama Kampung Teluk Manis. Beliau kemudiannya mengembangkan pengajian tersebut menjadi lebih formal dengan mendirikan sebuah sekolah agama rakyat harian di Kampung Teluk Manis yang diberi nama Madrasah Nadwah al-Tullab pada tahun 1954. Anak-anak penduduk Kampung Teluk Manis dan kampung-kampung sekitar akan pergi mengaji agama di madrasah ini pada waktu petang setelah pulang dari sekolah kebangsaan di waktu pagi. Bangunan sekolah agama rakyat ini diperbuat dari kayu lengkap dengan pejabat, kolah untuk berwuduk dan tandas. Di hadapan bangunan sekolah terdapat padang dan kelengkapan permainan kanak-kanak di waktu rehat seperti papan gelongsor, jongkang-jongket dan buaian. Di bahagian seberang jalan utama juga terdapat padang serta rumah wakaf madrasah untuk mudir dan guru-guru yang mengajar, juga rumah wakaf tumpangan (asrama) (Zahirah & Daud, 2021; Hindun, 2009).

Melalui Madrasah Nadwah al-Tullab ini, Tuan Guru Haji Othman Qarib telah berjaya mendidik ramai anak Kampung Teluk Manis dan kampung-kampung berdekatan dengan ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu alat seperti nahu, saraf dan balaghah. Madrasah ini juga menjadi pusat aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan dakwah bagi penduduk setempat. Madrasah tersebut setiap tahun akan menganjurkan Majlis Ihtifal Maulid Nabi s.a.w. (dipanggil sebagai "Majlis Maulud"). Anak-anak yang belajar di situ akan terlibat dengan persembahan dan pertandingan nasyid, tilawah al-Quran, syarahan agama dan lain-lain. Para ibu bapa dan masyarakat kampung datang untuk memeriahkan majlis dan membantu secara bergotong-royong membawa kuih-muih dan menyiapkan makanan dan minuman. Kadang-kadang pihak madrasah juga menjemput tetamu daripada luar untuk memberikan nasihat dan ceramah agama (Zahirah & Daud, 2021; Hindun, 2009). Tuan Guru Haji Othman telah menggalakkan anak-anak murid di bawah didikannya pergi menyambung pelajaran ke pondok-pondok dan pusat-pusat pengajian agama di dalam dan luar negara seperti Mekah dan India. Sekembalinya mereka ke kampung, mereka pula membantu berkhidmat untuk mendidik dan berdakwah kepada masyarakat bagi meneruskan legasi pengajian talaqqi para ulama silam (Syed Shamsuddin, 2009; Hindun, 2009).

Pada sekitar tahun 1986, pengajian di madrasah ini telah dipindahkan ke bangunan baru dua tingkat diperbuat dari kayu di seberang jalan utama kerana bangunan asal telah agak uzur dan akhirnya dirobohkan. Kemudian, bangunan baru setingkat telah dibina untuk menampung jumlah pelajar dan bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa. Kini, madrasah ini telah menjadi Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) KAFA Perak Tengah (Kod Sekolah: AYQ8021) dan ditadbir oleh anakanda keempat Almarhum, Ustazah Hajah Zahirah binti Haji Othman sebagai Guru Besar (Zahirah & Daud, 2021; Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak, 2021).

Menurut Hajah Zahirah (2021) dan Hajah Hindun (2009), selain mengajar di madrasah, Tuan Guru Haji Othman Qarib juga aktif mengajar masyarakat awam di masjid-masjid dan surau-surau di sekitar Perak, khususnya di Perak Tengah dan Ipoh. Beliau menggunakan kitab-kitab turath pondok sama ada berbahasa Arab atau bertulisan Jawi. Almarhum turut menulis beberapa risalah ringkas sebagai amalan masyarakat awam seperti risalah kecil yang berjudul "Risalah Basmalah Empat dan Selawat Empat". Almarhum juga telah menubuhkan serta menjadi Yang Dipertua Persatuan Khairat Kematian Nadwatitullab yang masih aktif sehingga hari ini.

Antara sumbangan Tuan Guru Haji Othman Qarib yang paling besar ialah menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah Perak (kini dikenali dengan nama Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak) sehingga beliau wafat pada tahun 1988. Penulis telah dapat menemui beberapa salinan muka hadapan Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa

Syariah Perak yang tertera nama Almarhum, dari tahun 1985 hingga 1988 iaitu sepanjang tempoh Almarhum Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria menyandang jawatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan (Ahmad Khairul Nizam, 2021).

Ringkasnya, di antara jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib ialah (Zahirah & Daud, 2021):

1. Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak.
2. Mudir Madrasah Nadwah al-Tullab.
3. Tenaga Pengajar Guru-guru Agama Bertauliah Negeri Perak.
4. Ahli Jawatankuasa Persatuan Guru Agama Sekolah Rakyat Negeri Perak.
5. Guru Dakwah Perak Tengah.
6. Guru Jemputan mengajar di surau-surau dan masjid-masjid Perak Tengah, Masjid Negeri dan beberapa masjid di sekitar Ipoh.
7. Amil Zakat dan Fitrah.
8. Ketua Kampung Teluk Manis dan Kampung Paloh, Layang-layang Kiri, Parit.
9. Ketua Blok (Bahagian Pesawah).

Selain daripada bidang pendidikan dan dakwah, Tuan Guru Haji Othman Qarib juga bergiat aktif dalam perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sewaktu ia mula ditubuhkan. Beliau pernah memegang jawatan tinggi seperti:

1. Yang Dipertua PAS Parit.
2. Calon Pilihan Raya Umum Kali Keenam Tahun 1982 – (Parlimen) Parit.
3. Calon Pilihan Raya Umum Kali Ketujuh Tahun 1986 – (DUN) Bota.

Bagi mengenang jasa-jasa beliau, Tuan Guru Haji Othman Qarib telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Perak (Zahirah & Daud, 2021).

KESIMPULAN

Pengajian talaqqi yang dirujuk kepada talaqqi kitab-kitab turath ulama terdahulu merupakan satu metodologi penting dalam dunia pendidikan dan dakwah sejak dari awal Islam. Antara kepentingan sistem ini ialah menjamin keabsahan dan ketulenan ilmu yang disampaikan melalui jaringan sanad keilmuan. Di samping itu sistem ini berfungsi untuk meneruskan hubungan dan interaksi antara guru dan murid terutama dalam pembinaan sahsiah pelajar melalui adab dan akhlak di bawah bimbingan guru. Manhaj ini juga melatih asas-asas kemahiran dalam menguasai sesuatu ilmu iaitu membaca, mendengar dan memahami sesuatu teks serta membahaskan permasalahan yang timbul dari sudut hukum dan fatwa, terutama dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat.

Para ulama Melayu silam telah menjadikan manhaj talaqqi ini sebagai medium untuk mendidik dan mengajak masyarakat kepada ajaran Islam mengikut acuan yang telah dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib merupakan seorang tokoh ulama di rantau ini yang telah memberi sumbangan yang amat berharga kepada pelbagai bentuk pembangunan rohani, intelek dan kemasyarakatan di negeri Perak. Almarhum bukan sahaja membawa nur keimanan dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat, bahkan membawa berkat, rahmat dan perlindungan daripada Allah s.w.t. Benarlah sabda Rasulullah s.a.w. yang mengatakan bahawa para ulama itu adalah pewaris para Nabi. Mereka tidak meninggalkan kekayaan dan pangkat melainkan ilmu yang menyinari hidup insan hingga ke hari kiamat.

Semoga segala jasa dan contoh tauladan yang dibawa oleh Almarhum Tuan Guru Haji Othman Qarib akan dapat diteladani oleh generasi muda masa kini dalam mengharungi arus pemodenan dan kekalutan globalisasi. Pembinaan tamadun dan peradaban ummah tidak dapat tidak mestilah selari dan seiring dengan kekuatan rohani dan ilmu pengetahuan. Semoga Allah s.w.t. memberi kita manfaat dari ilmu dan keberkatan beliau serta mencucuri rahmat ke atas rohnya, dan menempatkan beliau di kalangan al-Muqorrobin, amin Ya Rabbal 'Alamin, al-Fatihah!

RUJUKAN

Buku

- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
Houd Sirat et. al. 2018. *Salasilah Raden Kerono*. t.tp.: t.pt.
Tengku Yusuff. 2020. *Tokoh Ulama' Perak Darul Ridzuan*. Pendang: Pustaka Alam Melayu.

Jurnal

- Stia Bijaya Di Raja, Jeragan Abdul Shukor. 1907. *List of Graveyards of the Late Sultans of the State of Perak Der-Ul-Rithuan*. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society. No. 48: 97-106. Singapore: The Methodist Publishing House.
Syed Salim bin Syed Shamsuddin. 2018. *Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia*. Jurnal Sains Insani. Vol. 3. No. 1: 27-37. Nilai: Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.

Internet

- Ahmad Zuhairi bin Zakaria. Sejarah Kehidupan Ayahanda Saya. <http://zuhairimanong.blogspot.com/2011/08/baru-baru-ini-seorang-adik-saya-memberi.html> (diakses pada 24 Julai 2021).

Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak. SRAR Integrasi KAFA Perak Tengah. <https://jaipk.edu.my/index.php/institusi/kafa-perak/144-kafa-daerah-perak-tengah> (diakses pada 24 Julai 2021).

Freddie Aziz Jasbindar. Siapakah Tok Tambak Keramat Pulau Pisang Dalam Sejarah Perak. <https://www.orangperak.com/siapakah-tok-tambak-keramat-pulau-pisang.html> (diakses pada 24 Julai 2021).

Syed Jaafar Aznan Jamalullail. Makam Syed Husain al-Faradz Jamalullail di Perak. <https://perakjamalullail.wordpress.com/2020/08/27/makam-syed-husain-al-faradz-jamalullail-di-perak/> (diakses pada 24 Julai 2021).

Temubual

Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizdi. Pegawai Istinbat di Jabatan Mufti Negeri Perak. 2 Ogos 2021.

Hindun binti Husin. Sepupu dan murid Tuan Guru Haji Othman Qarib. 1 Januari 2009.

Syed Shamsuddin bin Syed Ibrahim. Sepupu dan murid Tuan Guru Haji Othman Qarib. 1 Januari 2009.

Tengku Yusuff. Penulis biodata dan sejarah ulama Melayu. 26 Julai 2021.

Zahirah binti Othman & Daud bin Yeop Nordin. Anakanda dan menantu Tuan Guru Haji Othman Qarib. 31 Mei 2021.

LAMPIRAN



Gambar 1 dan 2: Almarhum Tuan Guru Haji Othman bin Itam Karib



Gambar 3: Penulis dan kawan-kawan bergambar dengan Ustazah Hajah Zahirah pada tahun 1983 di hadapan bangunan asal Madrasah Nadwah al-Tullab.




Gambar 4: Bangunan baru dua tingkat Madrasah Nadwah al-Tullab yang mula dipakai sekitar tahun 1986. Kini tingkat atas dijadikan tempat sembahyang, tingkat bawah sebagai pusat sumber.



Gambar 5 dan 6: Bangunan kelas Madrasah Nadwah al-Tullab yang baru yang ada pada hari ini.



Gambar 7: Rumah Wakaf Madrasah Nadwah al-Tullab. Di rumah ini Tuan Guru Haji Othman Qarib tinggal semasa beliau menjadi mudir sebelum berpindah ke rumah sendiri.



Gambar 8: Muka hadapan Risalah Basmalah Empat dan Selawat Empat tulisan tangan Tuan Guru Haji Othman Qarib. Antara tujuan penulisan risalah ini seperti yang tertera di halaman akhir ialah untuk mengutip sumbangan bagi memasukkan api elektrik ke rumah wakaf tumpangan (asrama) Madrasah Nadwah al-Tullab.